



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN ORANG CINA DALAM INDUSTRI PENGHASILAN MAKANAN DI BUTTERWORTH, 1957-2000

TAN SOON CHIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA SEJARAH MALAYSIA MOD PENYELIDIKAN

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang penglibatan orang Cina dalam industri penghasilan makanan di Butterworth pada tahun 1957 hingga 2000. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan dan perkembangan perniagaan orang Cina dalam industri ini. Penglibatan orang Cina dalam industri ini selepas merdeka dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti pewarisan, modal, jaringan perniagaan dan dasar kerajaan. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting bagi menjamin perkembangan dan kestabilan perniagaan orang Cina dalam industri penghasilan makanan pada tempoh tersebut. Kaedah penyelidikan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kajian secara analisis dokumen. Rujukan telah dibuat pada dokumen-dokumen yang terdapat di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Cawangan Negeri Pulau Pinang seperti Strait Settlement Record, Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, fail Setiausaha Kerajaan Negeri, minit mesyuarat dan telegram. Selain itu, rujukan juga dibuat pada dokumen dalam bahasa Cina seperti minit mesyuarat, majalah terbitan dan laporan di Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peniaga Cina dalam industri ini telah menghadapi pelbagai cabaran seiring dengan perubahan isu politik dan ekonomi semasa. Perkembangan dan kestabilan perniagaan orang Cina juga dipengaruhi oleh dasar kerajaan yang dijalankan sepanjang tempoh kajian. Kajian juga membuktikan ikatan kekeluargaan yang kuat pada tempoh selepas merdeka telah menjadi tulang belakang kepada perkembangan perniagaan orang Cina dalam industri ini. Walau bagaimanapun, ia semakin longgar mulai era 1990-an disebabkan oleh sikap anak-anak tidak ingin mewarisi perniagaan yang bersifat tradisional. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan orang Cina telah berusaha mengadakan pelbagai pembaharuan demi mempertahankan perniagaan mereka walaupun perniagaan tersebut kurang berkembang pada peringkat awal. Oleh itu, kajian ini sangat penting khususnya dalam memahami perubahan serta kelangsungan penglibatan orang Cina dalam industri penghasilan makanan di Butterworth pada tempoh tersebut.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

THE INVOLVEMENT OF CHINESE IN THE FOOD PRODUCTION INDUSTRY IN BUTTERWORTH, 1957-2000

ABSTRACT

This study focuses on the involvement of Chinese in the food production industry in Butterworth in 1957 to 2000. This study aims to identify the involvement and the development of the Chinese businesses in this industry. The involvement of the Chinese in this industry after independence was influenced by several factors such as inheritance, capital, business networks and government policy. These factors played an important role in ensuring the development and stability of Chinese businesses in the food production industry during that period. The research method in this study was a qualitative method by analyzing documents. References have been made at the documents available at the National Archives of Malaysia and State Archives in Penang, such as Strait Settlement Record, Penang State Government Gazette, State Secretary's files, minutes of meetings and telegrams. In addition, references were also made from Chinese documents such as minutes of meetings, published magazines, and reports from the Penang Chinese Chamber of Commerce. The study found that Chinese businessmen in this industry have faced various challenges in line with the changes of current political and economic issues. The development and stability of the Chinese businesses were influenced by government policies carried out during that period. The research also proved that strong family ties after independence had been the backbone of the development of Chinese businesses in this industry. However, family ties began to lose in the 1990s because of some of the children's attitude which refused to inherit the traditional business. Overall, this study has shown that the Chinese were trying a variety of reforms to sustain their business even though their businesses were not developed in the early stages. Therefore, this study was crucial in understanding the changes and the economic viability of Chinese involvement in the food production industry in Butterworth during that period.



05-4506832



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	
SENARAI LAMPIRAN	xvi



05-4506832

**SENARAI SINGKATAN**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Metodologi Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kajian Lepas	8
1.8 Definisi Istilah	13



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.9	Pembahagian bab	17
1.10	Kesimpulan	20

BAB 2 EKONOMI ORANG CINA DI BUTTERWORTH

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Latar Belakang Orang Cina Di Pulau Pinang	22
2.2.1	Kategori Orang Cina Di Pulau Pinang	22
2.2.2	Kesukuan Orang Cina Di Pulau Pinang	25
2.3	Sejarah Penglibatan Orang Cina Dalam Perniagaan	27
2.3.1	Ciri-ciri Perniagaan Orang Cina	27
2.3.2	Bentuk Dan Bidang Perniagaan Cina	30
2.4	Syarikat Dan Kilang Milik Orang Cina Dalam Industri Penghasilan Makanan Di Butterworth	31



2.4.2	Ing Guan Hein Trading	31
2.4.3	Lee Gaik Khuan Coffee Powder & Flour Mill Sdn. Bhd.	32
2.4.4	Lenhon Kilang Kopi Sdn. Bhd.	34
2.4.5	Tan Eng Cheow & Son Sdn. Bhd.	34
2.4.6	Thye Guan Sauce & Food Factory	35
2.4.7	Restoran Sai Toh Lim	36
2.4.8	Public Food Trading Sdn. Bhd.	37
2.4.9	Danish Pastry Centre	37
2.4.10	Shiang Thian Cake Centre	38
2.5	Kesimpulan	39



**BAB 3****PERKEMBANGAN PERNIAGAAN ORANG CINA DI
BUTTERWORTH 1957-1970**

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Ekonomi Orang Cina Selepas Merdeka	41
3.3	Isu-Isu Dan Cabaran Perniagaan Orang Cina Dalam Memulakan Perniagaan Di Butterworth	43
3.3.1	Kesan Konfrontasi Indonesia-Malaysia Terhadap Perniagaan Orang Cina	44
3.3.2	Kesan Penghapusan Status Pelabuhan Bebas Pulau Pinang Terhadap Perniagaan Orang Cina	45
3.3.3	Kesan Pengenalan Cukai Tambahan Terhadap Perniagaan Orang Cina	46
3.3.4	Kesan Peristiwa Hartal 1967 Terhadap Perniagaan Orang Cina	48



3.4	Kesan Kepentingan Rancangan Malaysia Terhadap Perniagaan Orang Cina	52
3.5	Kesan Pentadbiran Wong Pow Nee Terhadap Perniagaan Orang Cina Di Butterworth	55
3.6	Kesan Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang Terhadap Perniagaan Orang Cina Di Butterworth	59
3.7	Kesimpulan	71

BAB 4**PERKEMBANGAN PERNIAGAAN ORANG CINA DI
BUTTERWORTH 1971-1990**

4.1	Pendahuluan	72
4.2	Latar Belakang Perniagaan Pada 1971-1990	73
4.3	Cabarani Peniaga Cina Pada 1971-1990	75





4.3.1	Masalah Pengangguran	75
4.3.2	Pengenalan Akta Koordinasi Industri (ICA)	77
4.3.3	Pengenalan Cukai Dan Pembayaran Lesen	78
4.3.4	Masalah Modal	80
4.3.5	Kes Keracunan Makanan	80
4.4	Kesan Kepentingan Dasar Kerajaan Pada 1971-1990 Terhadap Perniagaan Orang Cina	81
4.5	Kesan Pemerintahan Lim Chong Eu Terhadap Perniagaan Orang Cina Di Butterworth	92
4.6	Kesimpulan	95

BAB 5 PERKEMBANGAN PERNIAGAAN ORANG CINA DI BUTTERWORTH 1991-2000



5.1	Pedahuluan	96
5.2	Latar Belakang Perniagaan Pada 1991-2000	97
5.3	Perniagaan Dan Cabarannya 1991-2000	99
5.3.1	Krisis Kewangan ASEAN 1997	100
5.3.2	Masalah Pekerja	102
5.3.3	Kesukaran Untuk Mendapatkan Sumber Bahan	106
5.3.4	Masalah Pewaris	108
5.3.5	Masalah Kekurangan Tanah	110
5.3.6	Masalah Kekurangan Modal	111
5.3.7	Percanggahan Pendapat Antara Ahli Keluarga	112
5.4	Kesan Kepentingan Dasar Kerajaan Pada Era 1990-an Terhadap Perniagaan Orang Cina Di Butterworth	113





5.5	Sumbangan Koh Tsu Khoon Terhadap Perniagaan Orang Cina Di Butterworth	118
5.6	Kesimpulan	119

BAB 6**FAKTOR KEJAYAAN DAN KESTABILAN PERNIAGAAN
ORANG CINA DI BUTTERWORTH**

6.1	Pendahuluan	121
6.2	Faktor Pewarisan Perniagaan Keluarga	123
6.2.1	Pewarisan Kepada Anak	123
6.2.2	Pewarisan Kepada Orang Luar	128
6.3	Faktor Modal Dan Aset	131
6.3.1	Wang Tunai	131
6.3.2	Kemahiran Diri	136
6.3.3	Modal Berlebihan	142
6.3.4	Harta Warisan	143
6.3.5	Ilmu Baru	144
6.3.6	Pelaburan	144
6.3.7	Modal Saham Dan Aset Syarikat	145
6.4	Faktor Jaringan Perniagaan	146
6.4.1	Cina Tempatan	146
6.4.2	Pengedar	149
6.4.3	Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang (PCCC)	151
6.4.4	Peranan Persatuan Kongsi	152
6.4.5	Persatuan Industri	155
6.4.6	Tokoh Kenamaan	156





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

6.5 Faktor Dasar Kerajaan	157
6.5.1 Polisi Kerajaan Persekutuan	157
6.5.2 Dasar Negeri Pulau Pinang	162
6.5.3 Ketua Menteri Pulau Pinang	164
6.6 Faktor Penghasilan Produk	167
6.6.1 Kepelbagaian Produk	167
6.6.2 Kreativiti Produk	172
6.6.3 Pengedaran Produk	174
6.6.4 Pengiklanan Dan Promosi	176
6.7 Kesimpulan	177

BAB 7 KESIMPULAN



05-4506832



pustaka7.1si.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



179tbupsi

RUJUKAN

LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Bilangan Orang Cina Di Pulau Pinang 1787-1921	26
2.2	Bilangan Pekerja Di Kilang Pada Peringkat Awal	33
3.1	Import Ke Pulau Pinang Mengikut Barang-barang (Nilai Dalam Juta Wang Ringgit Malaysia)	60
3.2	Keluasan Tanah Dan Premium Yang Dikutip Dari Tahun 1964 Hingga 1970	62
3.3	Cadangan Kadar Cukai Dan Bayaran Lesen Pada 1957, Seksyen 46 (1) (e)	64
3.4	Akaun Am Anggaran Cukai Majlis Perbandaran Butterworth, 1957 Seksyen 46 (1) (a)	65
3.5	Bayaran Cukai Bagi Semua Kenderaan Dan Anjing Di Kawasan Bandar Raya George Town Pada Tahun 1969	66
3.6	Bayaran Bagi Peniaga Tanpa Gerai Dan Dengan Gerai Pada Tahun 1969 Di Daerah Tengah Dan Seberang Perai	67
4.1	Bilangan Dan Cara Jajaan Bagi Lima Bandar Utama Di Seberang Perai, 1985	80
4.2	Jumlah Pengendalian Kargo Di Pelabuhan Pulau Pinang, 1985	88
4.3	Banci Penduduk Di Pulau Pinang Dan Seberang Prai Pada Tahun 1970 Dan 1977	89
4.4	Bilangan Kilang Dan Pekerjaan Yang Ditawarkan Pada Tahun 1979 Di Kawasan Perindustrian Pulau Pinang	90
4.5	Jenis Kilang Dalam Kawasan Estet Perindustrian Di Seberang Perai, 1988	91
4.6	Bilangan Pekerja Mengikut Industri Negeri Pulau Pinang, 1975-1979	93
5.1	Pelaburan Modal Asing Di Pulau Pinang	100





5.2	Import Bahan, Jumlah Penghasilan Dan Harga Biskut Pada Tahun 2000	107
5.3	Anggaran Keperluan Tanah (Hek), 1985-2000	111
5.4	Jumlah Jualan Kilang Lee Gaik Khuan Mengikut Tahun	117
6.1	Pewaris Kilang Atau Syarikat Dan Jurusan Yang Dipelajari	127
6.2	Jumlah Modal Yang Digunakan Oleh Peniaga Untuk Membeli Kedai Perniagaan	134
6.3	Bilangan Mesin Kilang Pastri Goh	138
6.4	Jumlah Penghasilan Dan Harga Jualan Tauhu	140
6.5	Bilangan Mesin Yang Dimiliki Oleh Peniaga Cina	141
6.6	Jumlah Penghasilan, Jualan Dan Harga Jualan “Cinnabon”	147
6.7	Jumlah Penghasilan, Nilai Perniagaan Dan Harga Jualan Kicap Mengikut Tahun	148



6.8	Kawasan Pengedaran Mee Wantan	150
6.9	Persatuan Cina Atau Persatuan Kongsi Yang Disertai Oleh Peniaga Cina	153
6.10	Jualan Kuey Teow Sup Dan Bebola Ikan Restoran Sai Toh Lim Mengikut Tahun	161
6.11	Jumlah Penduduk Dan Kadar Pertumbuhan Negeri Pulau Pinang, 1970 Dan 1980	169
6.12	Unjuran Penduduk Mengikut Kaum Di Seberang Perai 1980-2000	172





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

- | | | |
|-----|--|-----|
| 5.1 | Bilangan Pekerja Lee Gaik Khuan Mengikut Kaum
Pada tahun 2016 | 103 |
|-----|--|-----|



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

SENARAI SINGKATAN

AKI	Akta Koordinasi Industri
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
DEB	Dasar Ekonomi Baru
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FTZ	<i>Free Trade Zone</i>
HICOM	<i>The Heavy Industry Corporation Of Malaysia Berhad</i>
ICA	<i>Industrial Coordination Act</i>
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KETENGAH	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
LMW	<i>Licensed Manufacturing Warehouse</i>
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institusi Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MPSP	Majlis Perbandaran Seberang Perai
PCCC	<i>Penang Chinese Chamber Of Commerce</i>
PERNAS	Perbadanan Nasional Berhad
PRU	Pilihan Raya Umum
PSDC	<i>Penang Skills Development Centre</i>
SMEs	<i>Small And Medium-sized Enterprises</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xvi

SENARAI LAMPIRAN

- A Belia Berbasikal Meluru Ke Dewan Jefferson
- B Kumpulan Perusuh Menyerang Bas Di Jalan Pulau Pinang
- C Peta Seberang Prai
- D Pembangunan Pelabuhan
- E Taburan Kemudahan Utiliti
- F Rancangan Pembangunan Pulau Pinang
- G Corak Dan Arah Pembangunan Pusat Bandar Di Seberang Perai
- H Cadangan Pelan Induk PERDA, 1985-2000
- I Pembangunan Yang Ditetapkan Di Seberang Perai 1987
- J Taburan Pusat Perdagangan Seberang Perai, 1985
- K Taburan Kawasan Industri Seberang Perai, 2000
- L Modal Saham Kilang Lee Gaik Khuan
- M Modal Saham Lenhon Kilang Kopi Sdn. Bhd.
- N Aset Kilang Lee Gaik Khuan Pada Tahun 1996 Dan 1997
- O Modal Saham Yang Dimiliki Oleh Pengarah Pulic Food Trading (M) Sdn. Bhd.
- P Aset Pulic Food Trading (M) Sdn. Bhd. Pada Tahun 1998 Dan 1999
- Q Modal Saham Tan Eng Cheow & Son Sdn. Bhd.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Perniagaan orang Cina di Butterworth mempunyai susur galur yang tersendiri.

Perkembangannya telah memainkan peranan penting dan menyumbang kepada pembangunan di Butterworth sejak dahulu lagi. Impian orang Cina untuk memulakan perniagaan telah bermula dari zaman pembukaan Pulau Pinang dan diteruskan dengan lebih rancak selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pembangunan ekonomi moden selepas merdeka terutamanya pada tahun 1970 hingga 1980-an turut memberi kesan kepada ekonomi orang Cina. Oleh itu, perniagaan orang Cina yang pada asalnya diusahakan secara kecil-kecilan telah berubah kepada perniagaan yang berbentuk sederhana besar. Perubahan ini secara tidak langsung telah mewujudkan ekonomi yang lebih pelbagai termasuk perniagaan kecil, perindustrian dan perniagaan korporat. Selain itu, perniagaan juga menjadi teras utama kepada pekerjaan orang





Cina khususnya dalam bidang peruncitan dan industri penghasilan makanan selepas negara kita mencapai kemerdekaan.

Seterusnya, sifat peribadi orang Cina yang mempunyai komitmen tinggi turut mendorong mereka memulakan perniagaan masing-masing. Salah satu aktiviti ekonomi yang paling digemari dalam kalangan orang Cina ialah industri penghasilan makanan. Kita harus sedar bukan semua orang Cina mampu memulakan perniagaan. Hanya mereka yang mempunyai modal dan kemahiran boleh memulakan kerjaya dalam bidang ini. Sepanjang menjalankan perniagaan, mustahil seseorang peniaga tidak menghadapi sebarang cabaran dan rintangan. Seseorang individu yang melibatkan diri dalam perniagaan mungkin berjaya namun pada masa yang sama, bidang ini mungkin membawa kepada kegagalan. Oleh itu, sebahagian daripada mereka memilih untuk mewariskan perniagaan kepada pihak ketiga untuk mengekalkan perniagaan yang diwarisi.



1.2 Pernyataan Masalah

Perniagaan yang dijalankan oleh orang Cina di Butterworth dalam bidang industri penghasilan makanan telah memberi kesan kepada perkembangan perniagaan untuk kekal dan bertahan lama. Walau bagaimanapun, perniagaan dalam kalangan orang Cina semakin berkurangan disebabkan perubahan struktur ekonomi negara pada zaman selepas merdeka. Ekonomi orang Cina juga membawa kesan terhadap struktur ekonomi yang wujud.





Selain itu, industri makanan yang diusahakan oleh orang Cina adalah pelbagai bentuknya. Antaranya termasuk makanan segera, makanan yang dihasilkan untuk keperluan restoran, pembungkusan makanan dan pengetinan makanan. Walaupun begitu, orang Cina di Butterworth kebanyakannya mengusahakan industri penghasilan makanan dan minuman asas untuk keperluan harian masyarakat Cina. Makanan asas yang dihasilkan termasuk tauhu, kicap, bebola ikan, biskut bakar, kuih tradisional, pastri, serbuk rempah dan kopi. Kepelbagaian penghasilan makanan telah mempelbagaikan ekonomi masyarakat di Butterworth dan memberi pilihan kepada penduduk tempatan memilih makanan yang disukai. Seterusnya, industri penghasilan makanan juga memberi kesan positif terhadap ekonomi orang Cina. Perkembangan industri penghasilan makanan dari masa ke masa telah menyumbang kepada penawaran peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup masyarakat setempat



Beberapa isu turut dihadapi oleh pengusaha penghasilan makanan seperti masalah kewangan, tiada pewaris perniagaan, sukar mendapatkan bahan import dan kekurangan tanah. Masalah kritikal yang dihadapi oleh peniaga Cina ialah masalah kekurangan pekerja sehingga mereka terpaksa mengupah pekerja asing bagi mempertahankan perniagaan mereka. Pendapatan peniaga Cina di Butterworth juga tidak begitu stabil disebabkan barang mentah yang digunakan untuk penghasilan makanan kebanyakannya diimport dari luar negara. Kesemua isu ini tidak menjadi batu penghalang kepada peniaga Cina yang mengusahakan industri penghasilan makanan sebaliknya memberi dorongan kepada mereka untuk lebih maju ke hadapan.





1.3 Objektif Kajian

Bagi mencapai dan menyelesaikan kajian ini, beberapa objektif digariskan. Antaranya,

1. Membincangkan latar belakang pembabitan orang Cina dalam industri penghasilan makanan di Butterworth dari tahun 1957 hingga 2000.
2. Mengkaji faktor perkembangan perniagaan orang Cina dalam industri penghasilan makanan di Butterworth pada tahun 1957-2000.
3. Menganalisis faktor kejayaan dan kestabilan perniagaan orang Cina yang berdasarkan industri penghasilan makanan di Butterworth.

1.4 Metodologi Kajian



Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian ini.

Penekanan dalam kajian kualitatif adalah analisis dokumen. Proses pengkajian terbahagi kepada empat peringkat yang penting iaitu pemilihan bahan, menganalisis sumber, pengumpulan bahan dan penyampaian penulisan. Oleh itu, pengkaji berusaha untuk mengumpul sumber-sumber primer dan sekunder dari pelbagai sudut bagi mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam penulisan. Pengkaji tidak boleh membuat sebarang kenyataan tanpa disokong oleh mana-mana sumber kerana dikhuatiri berat sebelah. Proses terakhir ialah penulisan yang tersusun rapi.

Selain itu, penggunaan sumber primer dan sumber sekunder sangat penting bagi menghasilkan sebuah penulisan sejarah yang baik. Lantaran itu, pengkaji melakukan pengkajian berdasarkan dokumen rasmi dan tidak rasmi, meneliti buku,





tesis dan menemu ramah peniaga Cina yang terlibat dengan industri penghasilan makanan di Butterworth. Pengkaji berjaya menemu ramah beberapa orang peniaga Cina yang mengusahakan perniagaan keluarga berasaskan industri penghasilan makanan di Butterworth bagi mendapatkan maklumat penubuhan dan perkembangan kilang supaya dapat membuat perbandingan tentang faktor-faktor perniagaan dalam industri penghasilan makanan yang bertahan lama. Responden yang ditemu ramah merupakan sumber lisan yang penting dalam kajian kerana mereka terlibat secara langsung dalam perniagaan berasaskan industri penghasilan makanan di Butterworth.

Selain itu, pengkaji juga merujuk dokumen rasmi yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negeri Cawangan Pulau Pinang. Sumber-sumber arkib terdiri daripada dokumen-dokumen asal, rekod rasmi kerajaan, minit mesyuarat,

telegram, laporan jabatan kerajaan, memorandum, dan warta kerajaan negeri Pulau Pinang. Pengkaji turut merujuk dokumen rasmi beberapa syarikat di Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM) Cawangan Pulau Pinang bagi mendapatkan maklumat terperinci syarikat penghasilan makanan di Butterworth. Seterusnya, pengkaji turut merujuk sumber primer Cina seperti minit mesyuarat, majalah, laporan tahunan dan koleksi ucapan di Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan perniagaan orang Cina sepanjang tempoh kajian. Bagi sumber kedua, pengkaji menjalankan pengkajian di Perpustakaan Tunku Bainun, Perpustakaan Hamzah Sendut, Perpustakaan Universiti Malaya, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUMPEM) Pulau Pinang dengan merujuk kepada jurnal, artikel, tesis atau disertasi, buku-buku dan penerbitan rasmi lain.





Seterusnya, kajian ini menggunakan tafsiran hermeneutik. Hermeneutik berfungsi untuk memahami teks secara mendalam iaitu melihat butiran teks tidak hanya kepada maksud literal dan luaran yang eksplisit malah menjangkaui maksud yang implisit, merangkumi bahasa dan konteks zaman penulis teks.¹

Pengkaji juga menganalisis dokumen dengan melakukan penilaian terhadap sumber sejarah seperti dokumen, fail dan rekod-rekod yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber-sumber ini akan ditapis semula mengikut prosedur sejarah melalui kritikan luaran dan dalaman. Kritikan luaran bertujuan untuk menentukan ketulenan dan keaslian sumber manakala kritikan dalaman bertujuan menentukan kemunasabahan ataupun kewarasan (kerasionalan) tentang sesuatu isi kandungan sesuatu sumber sejarah.² Sebagai seorang penyelidik maka sudah menjadi kewajipan baginya membuat penyelidikan berdasarkan bukti yang ditemui supaya sumber tersebut mempunyai kesahan.



1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi membolehkan masyarakat memahami perkembangan perniagaan orang Cina dalam industri penghasilan makanan di Butterworth dari tahun 1957 hingga 2000. Kajian ini juga penting bagi menilai faktor kejayaan dan kestabilan perniagaan orang Cina bagi mempertahankan perniagaan industri penghasilan makanan yang diwarisi turun-temurun.

¹ Hasuria Che Omar dan Rokiah Awang (ed.), *Kelestarian Bidang Penterjemahan*, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia, 2009, hlm. 398.

² Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah Dan Pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006, hlm. 60.

³ Ishak Saat, *Penulisan Sejarah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2010, hlm. 61.





1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini lebih berfokus kepada perkembangan perniagaan penghasilan makanan orang Cina di Butterworth pada tahun 1957 hingga 2000. Perniagaan Cina berfokus pada industri penghasilan makanan kerana makanan sangat penting bagi menjamin kehidupan sehari-hari manusia. Tambahan pula, industri ini kurang diberikan perhatian sejak dulu lagi.

Selain itu, skop kajian yang bermula pada tahun 1957 adalah selaras dengan waktu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan setelah dijajah oleh penjajah untuk suatu tempoh yang lama sebagai kawasan kegiatan ekonomi kolonial. Kajian ini berakhir pada tahun 2000 untuk melihat perkembangan perniagaan orang Cina dalam industri penghasilan makanan semasa berlakunya krisis kewangan dunia yang



melanda seluruh dunia pada tahun 1997. Selain itu, tahun 2000 juga menandakan bermulanya era baru dan merupakan penutup tirai abad ke-20. Jadi, kajian ini berakhir pada tahun 2000 untuk melihat perubahan yang berlaku terhadap perniagaan orang Cina yang berasaskan industri penghasilan makanan.

Kawasan yang difokuskan adalah di Butterworth kerana banyak industri penghasilan makanan telah dibangunkan oleh kerajaan di situ selepas merdeka. Namun, kawasan sekitar yang mempunyai kaitan dan menyumbang kepada keupayaan orang Cina di Butterworth untuk mengembangkan perniagaan berasaskan industri penghasilan makanan turut dilibatkan.





1.7 Kajian Lepas

Bahan yang berkaitan dengan perniagaan dapat dilihat menerusi disertasi yang bertajuk “*Key Success Factors In Transforming Traditional Family business For Success And Long-Term Survival In Changing Markets*”. Disertasi ini membincangkan faktor kejayaan dan kegagalan yang menyumbang kepada syarikat milik keluarga dan mencadangkan beberapa faktor untuk perubahan bagi perniagaan keluarga supaya berjaya dan dapat bertahan lama dalam pasaran yang sentiasa berubah. Disertasi ini turut menjalankan kajian ke atas beberapa syarikat milik keluarga dan membuat perbandingan strategi perniagaan syarikat-syarikat yang dikaji. Faktor berkaitan kepentingan dinamik perniagaan keluarga turut dibincangkan dalam disertasi ini. Kajian ini lebih fokus terhadap faktor kejayaan dan strategi yang dijalankan sehingga menyumbang kepada kejayaan perniagaan keluarga.⁴ Sebaliknya, kajian pengkaji lebih menekankan kejayaan dan kestabilan perniagaan bagi mempertahankan perniagaan orang Cina yang diwarisi secara turun-temurun.

Selain itu, tesis yang bertajuk “*Corporate Governance Practices Of Malaysian Chinese Family Owned Business*” pula membincangkan penglibatan orang Cina di Malaya dalam ekonomi lama dan ekonomi baru. Tesis ini turut membincangkan struktur ekonomi Tanah Melayu selepas merdeka yang fokus kepada bidang pertanian dan bidang perindustrian tidak berkembang maju pada peringkat permulaan.⁵

⁴ Thitipong Srisomburanon, Key Success Factors In Transforming Traditional Family Business For Success And Long-Term Survival In Changing Markets. *Thesis* (Master). England: Department Of Management Of Technology, Massachusetts Institute Of Technology, 2004, hlm. 43-80.
<https://dspace.mit.edu/handle/1721.1/17880#files-area>

⁵ Goh Kian Seng, Corporate Governance Practices Of Malaysian Chinese Family Owned Business, *Thesis* (Ph.D), Lismore: School Of Business And Tourism, Southern Cross University, 2008, hlm. 20.
<https://epubs.scu.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?referer=https://www.google.com/&httpsredir=1&article=1210&context=theses>





Walaupun begitu, keseluruhan perbincangan lebih menjurus kepada kerjasama antara orang Cina dan kerajaan dalam bidang perniagaan. Pelbagai kajian telah dijalankan oleh pengkaji untuk memperlihatkan kepentingan dan keperluan kerjasama yang melibatkan kerajaan sehingga mampu membawa kepada kejayaan perniagaan orang Cina. Jadi, kajian ini membincangkan ekonomi orang Cina dalam pelbagai aspek tetapi kajian pengkaji lebih tumpu terhadap perniagaan orang Cina khususnya dalam industri penghasilan makanan di Butterworth.

Di samping itu, pengkaji turut merujuk disertasi yang bertajuk “*Family-Owned Businesses: Determinants Of Business Success And Profitability*” bagi menilai pelbagai faktor yang berkaitan dengan perniagaan keluarga sehingga membawa kepada kejayaan dan keuntungan kepada perniagaan keluarga. Perniagaan berdasarkan

keluarga biasanya merupakan perniagaan kecil yang jarang membawa keuntungan besar, kurang menghadapi masalah perniagaan dan dikendalikan oleh mereka yang berpendidikan rendah. Ciri-ciri perniagaan keluarga turut dibincangkan dalam disertasi ini yang merangkumi saiz perniagaan, perniagaan “*home-based*”, tahun perniagaan, masalah yang dihadapi dan masalah kewangan dalam perniagaan keluarga.⁶ Kajian pengkaji juga membincangkan isu-isu syarikat dengan merujuk kepada beberapa syarikat.

Seterusnya, pengkaji turut merujuk tesis yang bertajuk “*Challenges of Family business Succession: Chinese-Australian Case Studies*” telah membincangkan faktor dan nilai yang mempengaruhi kejayaan perniagaan keluarga generasi pertama orang Cina-Australia. Pengkaji tersebut telah menjalankan kajian ke atas enam syarikat

⁶ Jeffrey S. Wallace, *Family-Owned Businesses: Determinants Of Business Success And Profitability, Thesis (Master)*, Utah: Department Of Family, Consumer, And Human Development Utah State University, 2010, hlm. 17.
(<https://digitalcommons.usu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1590&context=etd>)





perniagaan keluarga di kota Melbourne. Kajian mendapati pengasas perniagaan keluarga memulakan perniagaan bukan bertujuan untuk mengumpul kekayaan dan menjamin pekerjaan bagi generasi seterusnya tetapi berkaitan dengan simbol individu (kejayaan diri, penentuan nasib sendiri, dan pilihan untuk gaya hidup) serta meluaskan manfaat sosial (kepaduan sosial, integrasi budaya tempatan atau mengamalkan budaya kebangsaan). Kajian ini turut memperlihatkan ketegangan dalam konteks kejayaan dalam perniagaan antara pengasas perniagaan dengan generasi kedua. Pengkaji tersebut turut membuat perbandingan tentang kejayaan perniagaan keluarga di negara China dengan negara Hong Kong.⁷ Jadi, kajian Ye Jing mendedahkan matlamat kewujudan perniagaan keluarga orang Cina di Australia lebih kepada kepuasan diri dan bukannya bertujuan untuk diwarisi seperti kajian pengkaji.



Selain itu, buku yang bertajuk "*The History Of Family Business, 1850-2000*" turut dirujuk oleh pengkaji. Kajian *Andrea Colli* tersebut membincangkan tentang geografi, sektor dan dimensi pengagihan syarikat keluarga. Tahap proses pengindustrian turut dibincangkan dalam buku ini.⁸ Walau bagaimanapun, perbincangan lebih memfokuskan kepada negara Amerika Syarikat sebagai negara contoh. Pelbagai aspek berkaitan perniagaan keluarga turut dibincangkan dalam buku ini termasuk perbincangan mengenai syarikat keluarga ke arah perspektif yang baru. Kajian pengkaji serba sedikit berbeza. Perniagaan yang dikaji menjurus kepada perkembangan perniagaan orang Cina di Malaysia manakala kajian *Andrea* fokus terhadap perniagaan keluarga di negara Barat.

⁷ Ye Jing, Challenges Of Family Business Succession: Chinese-Australian Case Studies, *Thesis (Ph.D)*, Victoria: Department Of Business & Law, Deakin University, 2013, hlm. 85. (<https://core.ac.uk/download/pdf/14005633.pdf>)

⁸ Andrea Colli, *The History Of Family Business, 1850-2000*, United Kingdom: Cambridge University Press, 2003, hlm. 28.

